



PENGEQUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH SKIM PENGEKSPORT UTAMA DILULUSKAN Approved Major Exporter Scheme (AMES)

1. PENGENALAN

- 1.1 Bagi meningkatkan daya saing industri yang berorientasikan eksport di Malaysia, kerajaan telah memperkenalkan Skim Pengesport Utama Diluluskan (AMES) di bawah seksyen 61A Akta Cukai Jualan (ACJ) 2018. Pelaksanaan AMES mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2020.
- 1.2 AMES terbahagi kepada dua kategori iaitu pedagang barang bercukai dan pengilang barang siap tidak bercukai.
- 1.3 Bagi kategori pedagang, pengecualian cukai jualan diberi ke atas barang bercukai yang diimport/ diangkut masuk/ dibeli dan kemudiannya dieksport/ diangkut keluar tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 1.4 Bagi kategori pengilang, pengecualian cukai jualan diberi ke atas bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang diimport/ diangkut masuk/ dibeli dan digunakan secara langsung dalam pengilangan barang siap tidak bercukai yang kemudiannya dieksport/ diangkut keluar tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 Bagi kategori pedagang, syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:
 - 2.1.1 Telah beroperasi di Malaysia sekurang-kurangnya satu tahun;
 - 2.1.2 Mempunyai nilai jualan tahunan barang bercukai melebihi RM10 juta pada masa permohonan dibuat; dan
 - 2.1.3 Sekurang-kurangnya 80 peratus daripada nilai jualan tahunan barang bercukai itu adalah jualan yang dieksport/ diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas.

- 2.2 Bagi kategori pengilang, syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:
- 2.2.1 Telah beroperasi di Malaysia sekurang-kurangnya satu tahun;
 - 2.2.2 Nilai jualan tahunan barang siap tidak bercukai yang dikilangkan melebihi RM10 juta pada masa permohonan dibuat; dan
 - 2.2.3 Sekurang-kurangnya 80 peratus daripada nilai jualan tahunan barang siap tidak bercukai yang dikilangkan itu adalah jualan yang dieksport/diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas.
- 2.3 Bagi pedagang yang juga pengilang, pemohon mestilah memenuhi salah satu syarat yang ditetapkan di para 2.1 atau 2.2. Walau bagaimanapun, bagi penentuan nilai jualan tahunan, kombinasi nilai jualan barang bercukai dan barang siap tidak bercukai adalah tidak dibenarkan.
- 2.4 Menteri boleh membenarkan mana-mana orang selain daripada yang dinyatakan di para 2.1, 2.2 atau 2.3 untuk membuat permohonan.

3. PROSEDUR PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan hendaklah menggunakan borang AMES-01 yang boleh dimuat turun melalui portal MySST.
- 3.2 Permohonan lengkap perlu dikemukakan ke stesen mengawal Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di mana premis pemohon beroperasi beserta dokumen-dokumen berikut:
- 3.2.1 Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat daripada SSM;
 - 3.2.2 Salinan lesen premis perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan;
 - 3.2.3 Salinan Borang Teras (*Super Form*) atau Borang 24, 44 dan 49 yang dikeluarkan oleh SSM;
 - 3.2.4 Salinan penyata kewangan tahunan terkini yang diaudit oleh juruaudit bebas dan bertauliah;

- 3.2.5 Laporan pengurusan syarikat (*company's management report*) yang mengesahkan nilai jualan tahunan barang bercukai/ nilai jualan tahunan barang siap tidak bercukai yang dikilangkan adalah melebihi RM10 juta pada masa permohonan dibuat;
- 3.2.6 Laporan pengurusan syarikat (*company's management report*) yang mengesahkan eksport tahunan (termasuk yang diangkut ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas) adalah 80 peratus daripada nilai jualan tahunan barang bercukai/ nilai jualan tahunan barang siap tidak bercukai yang dikilangkan; dan
- 3.2.7 Maklumat nisbah penggunaan input pengilangan ke atas penghasilan barang siap (*output*) perlu dikemukakan bagi permohonan kategori pengilang.
- 3.3 Permohonan bagi kategori pedagang yang juga pengilang hendaklah dibuat secara berasingan. Syarikat hendaklah membuat dua permohonan iaitu permohonan bagi kategori pedagang dan juga kategori pengilang.
- 3.4 Bagi syarikat yang mempunyai lebih daripada satu (1) cawangan, hanya premis perniagaan/ kilang utama perlu membuat permohonan.
- 3.5 Penentuan stesen mengawal adalah berdasarkan poskod alamat premis perniagaan/ kilang utama beroperasi.

4. SYARAT-SYARAT KELULUSAN

Pedagang dan pengilang yang diluluskan di bawah AMES hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- 4.1 Barang yang diimport/ diekspor/ diangkut hendaklah diikrar dalam borang yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 atau apa-apa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- 4.2 Bagi pedagang, barang bercukai hendaklah diekspor/ diangkut keluar ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas dalam tempoh 6 bulan dari tarikh barang tersebut diimport/ diangkut masuk/ dibeli/ diperoleh atau apa-apa tempoh


yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;

- 4.3 Bagi pengilang, barang siap tidak bercukai yang dihasilkan daripada bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang dikecualikan cukai hendaklah diekspor/ diangkut keluar ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas dalam tempoh 12 bulan dari tarikh barang tersebut diimport/ diangkut masuk/ dibeli/ diperoleh atau apa-apa tempoh yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- 4.4 Sistem perakaunan dan kawalan dalaman syarikat memenuhi standard pengakaunan dan pengauditan;
- 4.5 Menyimpan rekod atau akaun yang lengkap dan benar berhubung dengan barang yang diimport/ diangkut/ dibeli/ diekspor/ dijual di bawah skim ini untuk tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh terakhir suatu transaksi dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris;
- 4.6 Menyediakan penyata yang berkaitan dan mengemukakan penyata itu untuk pemeriksaan sekiranya dikehendaki oleh pegawai kanan cukai jualan pada bila-bila masa;
- 4.7 Sekiranya terdapat cukai jualan genap masa dan kena dibayar, pembayaran cukai jualan hendaklah dibuat melalui AMES-02 tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya;
- 4.8 Sebarang perubahan butir-butir perniagaan hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada stesen mengawal dalam tempoh 14 hari.

5. SYARAT-SYARAT PENGEQUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN

- 5.1 Pedagang atau pengilang yang diluluskan di bawah AMES boleh dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
 - 5.1.1 Bagi pedagang, barang bercukai yang diberi pengecualian hendaklah:
 - (i) Diimport/ diangkut/ dibeli/ diperoleh secara terus oleh pedagang tersebut;

- (ii) Tidak digunakan atau dilakukan apa-apa proses tambah nilai;
- (iii) Dieksport/ diangkut keluar ke kawasan ditetapkan atau kawasan khas oleh pedagang tersebut; dan
- (iv) Tidak dilupuskan, tidak dijual dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan cukai jualan ke atas barang tersebut telah dibayar kepada Ketua Pengarah.




Gambarajah 1: Ilustrasi AMES bagi Pedagang Barang Bercukai

5.1.2 Bagi pengilang:

- (i) Bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang diberi pengecualian hendaklah:
 - (a) Diimport/ diangkut/ dibeli/ diperolehi secara terus oleh pengilang tersebut;
 - (b) Digunakan oleh pengilang secara langsung dan semata-mata dalam pengilangan barang siap tidak bercukai; dan
 - (c) Tidak dilupuskan, tidak digunakan selain daripada tujuan pengilangan barang siap tidak bercukai, tidak dijual dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan cukai jualan yang

dikecualikan ke atas barang tersebut telah dibayar kepada Ketua Pengarah;

- (ii) Barang siap tidak bercukai yang telah dikilangkan hendaklah:
- (a) Dieksport/ diangkut keluar ke DA atau SA oleh pengilang tersebut; dan
 - (b) Tidak dilupuskan, tidak dijual dalam negara atau tidak diakaunkan melainkan cukai jualan yang dikecualikan ke atas bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan yang digunakan dalam pengilangan barang siap tidak bercukai tersebut telah dibayar kepada Ketua Pengarah.
- (iii) Pengecualian AMES hanya dibenarkan ke atas bahan mentah, komponen, bahan bungkusan dan pembungkusan bagi pengilangan barang siap tidak bercukai sahaja dan tidak dibenarkan digunakan bagi pengilangan barang siap bercukai.



Gambarajah 2: Illustrasi AMES bagi Pengilang Barang Tidak Bercukai

- 5.1.3 Pedagang yang juga pengilang hendaklah mematuhi syarat-syarat pengecualian yang ditetapkan di para 5.1.1 (i) hingga (iv) dan di para 5.1.2 (i) dan (ii).

6. BARANG YANG TIDAK LAYAK BAGI PENGECCUALIAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN

6.1 Barang-barang yang tidak layak diberi pengecualian cukai jualan di bawah AMES adalah seperti berikut:

6.1.1 Wain, spirit, bir dan minuman keras malta;

6.1.2 Rokok, tembakau dan hasil tembakau;

6.1.3 Petroleum; dan

6.1.4 Barang-barang yang tiada dalam Lampiran A atau A1 kepada surat Permohonan Skim Pengeksport Utama Diluluskan (AMES) Di Bawah Seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018.

7. TEMPOH KELULUSAN

7.1 Kelulusan AMES adalah untuk tempoh dua (2) tahun atau apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

7.2 Penggunaan surat kelulusan AMES yang telah tamat tempoh adalah tidak dibenarkan.